

MEMBUDAYAKAN PROFESIONALISME GURU PENDIDIKAN ISLAM YANG CEMERLANG

Kamarul Azmi Jasmi¹
Ab Halim Tamuri²

¹ Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

² Kolej Universiti Islam Selangor, mpmizzuddin@gmail.com

Suggested Citation:

Jasmi K. A. & Tamuri A. H. (2015). Membudayakan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam yang Cemerlang in *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman*. Bangi, Selangor: Persatuan Intelek Muslim Malaysia, p. 1-20. ISBN: 978-967-10160-8-4.

SINOPSIS

Membudaya profesionalisme guru Pendidikan Islam memberi maksud untuk membiasakan sesuatu tingkah laku yang baik supaya berbudaya atau beradab dengan sifat kemampuan, kemahiran, dan cara pelaksanaan sebagaimana yang sewajarnya dilakukan oleh seorang yang bersifat profesional (Anom, 2005). Tingkah laku profesional tersebut pula dikaitkan dengan tatacara kehidupan guru Pendidikan Islam yang berlandaskan di atas landasan cemerlang guru dari perspektif Islam (Jasmi, Kamarul Azmi, 2008d; Jasmi, 2010; Jasmi & Nawawi, 2012).

Tulisan ini akan cuba mengupas sikap membudayakan profesionalisme guru Pendidikan Islam yang cemerlang yang terdiri daripada budaya pengajaran yang cemerlang yang berinovasi (Tamuri, Ab. Halim *et al.*, 2004; Tamuri, Ab Halim *et al.*, 2012b; Sulaiman & Jasmi, 2013; Nawawi & Jasmi, 2013; Jasmi & Salleh, 2013; Jasmi, 2013; Ilias *et al.*, 2013), budaya kecekapan bertahap tinggi (Shuib, 2006; Abdullah & Ngang, 2006), budaya sosial yang versatile (Jasmi *et al.*, 2007; Zaid & Jasmi, 2012), dan budaya keilmuan yang bertaraf mampan (Jasmi & Tamuri, 2007c; Jasmi, Kamarul Azmi, 2014).

REFERENCES

- Abd Rahman, Ahmad. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S5. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-18). Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Arau: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, Abdul Ghani, & Ngang, Tang Keow. (2006). Motivasi Guru dan Pengurusan Budaya Kolaboratif Pengurus Pendidikan Wanita. *Jurnal Pendidikan Islam*, 31, 97-105.
- Abu Bakar, Zaleha. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S4. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-16). Sek. Men. Keb. Agama Perempuan Kangar, Perlis: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, Noor Hayati. (2008). Temubual Bersama Rakan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Pertama di S1. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-8). Sek. Men. Keb. Jitra, Kedah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). *Sha'b al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Ghazali, Muhammad. (t.th.). *Ihya' 'Ulum al-Din* (al-Hafiz al-'Iraqi Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1984). *Musnad al-Shamayyin* (Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi Ed. Vol. 1-4). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Anom. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anom. (2015). Isu-isu pelaksanaan PBS. Retrieved 22 Mac 2015, 2015, from <http://www.moe.gov.my/v/pemberitahuan-view?id=4122>
- Basiron, Bushrah, Mustari, Mohd Ismai, Jasmi, Kamarul Azmi, & Shikh Sudin, Sharifah Norlaili. (2005). *Konsep Tabarruj Menurut Perspektif Islam dan Kepentingannya dalam Kehidupan Wanita*. Paper presented at the International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor. http://eprints.utm.my/41147/1/BasironB2005_KonsepTabarrujMenurutPerspektifIslam.pdf

- Ibrahim, Atmarwati. (2008). Temubual Bersama Rakan Guru Cemerlang Pendidikan Islam 2 di S1. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-14). Sek. Men. Keb. Jitra, Kedah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris, Ramlah (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S2. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-18). SMK Pulau Niyor, Jitra, Kedah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ilias, Mohd Faez. (2014). *Teaching Practice Using Teaching Aids among Lower Secondary Teachers of Islamic Education in Johor*. (Doctor of Philosophy), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Ilias, Mohd Faez, Ismail, Muhamad Faiz, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 6th - 7th April 2013). *Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari*. Paper presented at the 3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013], EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia.
- Ishak, Abdullah. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, Ramlah. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S8. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-20). SMK Chendering: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamaru Azmi. (2008). *Dokumen Analisis Guru Cemerlang Pendidikan Islam S1*.
- Jasmi, Kamaru Azmi. (2014). *Memperkasakan Kepustakaan dalam Pendidikan Islam dan Pengajian Islam di Malaysia Melalui Perantaraan Penggunaan Perisian Endnote*. Paper presented at the Bengkel Endnote dalam Penulisan Akademik, Dewan Pengajian Siswazah, T07, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamaru Azmi, & Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2015). *Sayang! Didiklah Kami dengan Sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, Kamaru Azmi, Nor Muhamad, Nasrul Hisyam, & Awang, Ramli. (2012). *Buku Panduan Tesis Gaya Fakulti Tamadun Islam*. Skudai, Johor: Fakulti of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008a). *Analisis Dokumen Guru Cemerlang Pendidikan Islam S7*. SMK Tengku Mizan Zainal Abidin: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008b). *Dokumen Analisis Guru Cemerlang Pendidikan Islam S8*. In Universiti Kebangsaan Malaysia Fakulti Pendidikan (Ed.). Sekolah Menengah Kebangsaan Chenderin: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008c). *Dokumen Analisis Guru Cemerlang Pendidikan Islam S2*. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.). SMK Pulau Niyor, Jitra, Kedah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008d). *Mengasimilasi Budaya Islam dalam Organisasi untuk Mempertingkatkan Modal Insan Para Pekerja*. Paper presented at the The 4th National Human Resource Management Conference 2008, Tiara Beach Resort, Port Dickson.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Retrieved from <http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:67877>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. Paper presented at the Seminar Pemeraksanaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia, Main Hall of Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). <http://eprints.utm.my/38362/1/Cover%20%26%20Paper.pdf>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2014). *Kaedah Penulisan Kertas Kerja*. Skudai, Johor: Faculty of Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2015). *Mahasiswa dan Penulisan Kertas Kerja Akademik*. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Pengurusan Efektif untuk Berjaya* (Vol. 2). Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, & Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2004, 25-27 September 2004). *Pengaruh Pemikiran al-Nawawi dalam Metodologi Pendidikan dan Pendakwaan Terhadap Guru-guru Takmir di Negeri Johor*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid, Asiaia Resort, Langkawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Nawawi, Noor Fadhlina. (2012, 8-9 March 2012). *Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012], Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Salleh, Norhafizah. (2013, 6 - 7 April 2013). *Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Paper presented at the 3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013]), EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.

- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007a, 22-23 Ogos 2007). *Guru Cemerlang dalam Sekolah Berkesan*. Paper presented at the Seminar Pendidikan Kebangsaan Halatuju dan Masa Depan Pendidikan Negara, Auditorium Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007b). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007c, 11 - 12 July 2007). *Pengayaan Buku Hadis Turath serta Kepentingannya dalam Pembangunan dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*. Paper presented at the Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2007), Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Hamzah, Mohd Izham Mohd. (2011). Penerapan Matlamat Pendidikan Islam oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di beberapa buah Sekolah Menengah di Malaysia. *Sains Humanika*, 55(1).
- Koo, Yew Lie, & Azman, Hazita. (2010). Tahap Literasi Dalam Bahasa Inggeris Di Kalangan Belia Di Institut Belia Kebangsaan. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(1), 35-51.
- Mohamad, Saudah. (2008). Analisis Dokumen Guru Cemerlang Pendidikan Islam S7. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *PhD Research*. SMK Tengku Mizan Zainal Abidin: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Taha, Rosniza. (2010, 2010/07/29). Etika Berpakaian. *Berita Harian*.
- Mohd Yasin, Rifain. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S1. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-24). Sek. Men. Keb. Jitra, Kedah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moktar, Zainah. (2011). *Awet Muda 7 Rahsia Kesihatan Holistik*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Nawawi, Noor Fadhlina, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 26 Jun 2013). *Hubungan antara Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Keperibadian serta Kemahiran Guru Pendidikan Islam dengan Motivasi Pelajar*. Paper presented at the Seminar Pasca Siswazah Pertama. Fakulti Tamadun Islam, The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosidi, Imron. (2009). *Menulis Siapa Takut*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Sabar, Salehudin, & Mustari, Mohd Ismail. (2012). Pendidikan Islam Mendepani Cabaran Abad Ke 21: Aplikasi Pendidikan Bil-Hikmah. Retrieved 18 Jan 2015, 2015, from <http://www.ipislam.edu.my/index.php/research/read/83/Pendidikan-Islam-Mendepani-Cabaran-Abad-Ke-21-Aplikasi-Pendidikan-Bil-Hikmah1>
- Shaikh Ahmad, Badriyah. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S6. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-16). SMK Tuanku Ampuan Durah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shuib, Mohamad Shyhmy. (2006). *Pengurusan Waktu*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Sulaiman, Zaharuzzaman, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 26 Jun 2013). *Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar: Satu Kajian Tinjauan di Pusat Pendidikan Andalus Peringkat Menengah di Singapura*. Paper presented at the Seminar Pasca Siswazah Pertama. Fakulti Tamadun Islam, Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tamam, Muhammad. (1992). *Al-Fawa'id* (Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi Ed.). Al-Riyad: Maktabat al-Rushd.
- Tamuri, Ab Halim, Ismail, Muhamad Faiz, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012a). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam [Basic Components for Islamic Education Teacher Training]. *Global Journal al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Tamuri, Ab Halim, Ismail, Muhamad Faiz, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012b). A New Approach in Islamic Education: Mosque Based Teaching and Learning. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 1-12.
- Tamuri, Ab. Halim. (2006). *Model Guru Pendidikan Islam: Konsep 5 Mim*. Paper presented at the Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam, Bilik Senat, Bangunan Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tamuri, Ab. Halim, Yusopp, Adnan, Osman, Kamisah, Abdul Razak, Khadijah, Awaludin, Shahrin, & Abdul Rahim, Zamri. (2004). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaid, Siti Salwa, & Jasmi, Kamarul Azmi () P. (2012). *Pendidikan Sosial Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks terhadap Kitab Riyad al-Salihin*. (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from <http://merr.utm.my/7266/>
- Zakaria, Farhatul Hakimah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Pendidikan Akhlak Terhadap Allah Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks Kitab Riyad al-Salihin*. (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwp2/p_2011_10040_8b59de80798b409c931b085d23c55e07.pdf

1

MEMBUDAYAKAN PROFESIONALISME GURU PENDIDIKAN ISLAM YANG CEMERLANG

Kamarul Azmi Jasmi
Ab. Halim Tamuri

PENGENALAN

Membudaya profesionalisme guru Pendidikan Islam memberi maksud untuk membiasakan sesuatu tingkah laku yang baik supaya berbudaya atau beradab dengan sifat kemampuan, kemahiran, dan cara pelaksanaan sebagaimana yang sewajarnya dilakukan oleh seorang yang bersifat profesional (Anom, 2005). Tingkah laku profesional tersebut pula dikaitkan dengan tatacara kehidupan guru Pendidikan Islam yang berlandaskan di atas landasan cemerlang guru dari perspektif Islam (Jasmi, Kamarul Azmi, 2008d; Jasmi, 2010; Jasmi & Nawawi, 2012).

Tulisan ini akan cuba mengupas sikap membudayakan profesionalisme guru Pendidikan Islam yang cemerlang yang terdiri daripada budaya pengajaran yang cemerlang yang berinovasi (Tamuri, Ab. Halim *et al.*, 2004; Tamuri, Ab Halim *et al.*, 2012b; Sulaiman & Jasmi, 2013; Nawawi & Jasmi, 2013; Jasmi & Salleh, 2013; Jasmi, 2013; Ilias *et al.*, 2013), budaya kecekapan bertahap tinggi (Shuib, 2006; Abdullah & Ngang, 2006), budaya sosial yang versatile (Jasmi *et al.*, 2007; Zaid & Jasmi, 2012), dan budaya keilmuan yang bertaraf mampan (Jasmi & Tamuri, 2007c; Jasmi, Kamaru Azmi, 2014).

BUDAYA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG BERINOVASI

Pengajaran dan pembelajaran yang berinovasi merupakan ciri penting untuk dibudayakan kerana ciri ini merupakan bidang tugas utama

seorang guru Pendidikan Islam (Tamuri, Ab. Halim, 2006; Jasmi & Tamuri, 2007a, 2007b). Secara asas seorang guru mengetahui ciri pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang baik kerana rata-rata guru memiliki sekurang-kurangnya diploma pendidikan dan perguruan (Ishak, 1995; Tamuri, Ab Halim *et al.*, 2012a; Sabar & Mustari, 2012). Namun, membudayakan dengan pengajaran dan pembelajaran yang berinovasi boleh dipertikaikan pelaksanaannya oleh guru kerana keterikatan dengan sistem dan budaya sekolah yang diamalkan di Malaysia. Hal ini khususnya seseorang guru Pendidikan Islam diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan kelas peperiksaan (Jasmi, 2010; Ilias, 2014) atau mereka disibukkan dengan dokumentasi sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) (Anom, 2015).

Aspek utama kejayaan dalam pengajaran dan pembelajaran seorang guru adalah membudayakan harapan yang tinggi dalam diri kepada para pelajar untuk berjaya dalam hidup sebagaimana yang dipraktikkan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam (Jasmi *et al.*, 2011) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Harapan seorang guru yang tinggi khususnya guru pendidikan Islam mampu menggerakkan minda para pelajar untuk mencapai harapan tersebut berdasarkan konsep bahawa Allah SWT akan memperkenankan keinginan yang baik seseorang kepada seseorang yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis ini (Al-Tabrani, 1984: 2265; Tamam, 1992: 605; Al-Bayhaqi, 2003: 981):


عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ
أَحْسِنُوا الظَّنَّ بِرَبِّ الْعَالَمِينَ فَإِنَّ الرَّبَّ عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِهِ.

Maksud: Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Wahai manusia cantikkan harapan dan sangkaan terhadap Allah SWT. Hal ini kerana sesungguhnya Tuhan akan memperkenankan mengikut harapan dan sangkaan hambanya itu."

(Al-Tabrani, Tamam, dan al-Bayhaqi)

Terdapat dua senario guru yang berusaha untuk memberikan kejayaan kepada para pelajarnya. Senario pertama ialah guru berusaha untuk memberikan kemahiran kepada para pelajar untuk menjawab dengan baik peperiksaan yang mereka hadapi dan pelajar berjaya dalam peperiksaan

tersebut. Manakala senario kedua pula ialah guru berusaha memberikan ilmu sebaik mungkin termasuk kefahaman yang mendalam terhadap segala tajuk pendidikan Islam, lalu dengan kefahaman yang mendalam tersebut, para pelajar mampu menjawab dengan baik peperiksaan mereka (Abu Bakar, 2008). Dalam senario kedua ini guru tersebut mendapat dua keuntungan yang tidak sedikit, iaitu kejayaan pelajar dalam peperiksaan dan kejayaan pelajar dalam ilmu. Oleh itu, seorang guru yang membudayakan profesionalisme cemerlang akan memilih senario kedua untuk melaksanakan visi dan misi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun dalam keadaan tertentu seperti tahap kognitif yang rendah pada pelajar menyebabkan guru tiada pilihan lain untuk memilih cara pelaksanaan dalam senario pertama (Idris, 2008).



Rajah 1 Model Matlamat pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (MMPPPI) yang dipraktikkan oleh Guru Cemerlang

Pada asasnya para pelajar mempunyai tiga tahap kognitif yang berbeza sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2 ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, iaitu tahap tinggi, sederhana, dan rendah. Perbezaan tahap kognitif memerlukan guru berinovasi untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza mengikut kognitif para pelajar. Kajian menunjukkan bahawa guru yang cemerlang menyediakan modul khusus untuk para pelajar yang sederhana dan lemah agar pelajar yang lemah dapat lulus dan pelajar yang sederhana boleh berada dalam kelompok yang cemerlang (Jasmi, 2010). Pelajar yang berada dalam kelompok ini memerlukan hubungan akrab yang lebih tinggi untuk guru boleh membimbing mereka bagi mencapai dua kejayaan, iaitu kejayaan dunia dan akhirat. Usaha yang dilakukan

kepada kelompok ini menurut al-Ghazali (t.th.) perlu dilakukan sepertimana seorang ibu dan bapa yang berusaha untuk memberikan kejayaan kepada anaknya yang lemah dalam aspek kehidupan. Ibu bapa ini akan berusaha mencari jalan dalam pelbagai daya agar anak mereka yang lemah ini digagah, ditingkat, dan dimajukan untuk hidup dengan sekurang-kurangnya dapat berdikari untuk hidup apabila mereka telah tiada di dunia.

Pelajar Bijak	Boleh Berjaya	Mudah Berjaya	Sangat Berjaya
Pelajar Sederhana	Sukar berjaya	Boleh Berjaya	Mudah Berjaya
Pelajar Lemah	Gagal	Sukar Berjaya	Boleh Berjaya
	Guru Tidak ambil Endah	Guru <i>Touch & Go</i>	Guru Membantu

Rajah 2.1 Sikap guru terhadap pelajar serta kesannya kepada kejayaan para pelajar

Terbukti juga daripada kajian bahawa guru yang berjaya mendidik pelajar yang lemah ini sehingga ke peringkat yang lebih tinggi daripada tahap mereka, mereka inilah yang dianggap sebagai guru yang cemerlang. Sebaliknya, guru yang memiliki profesionalisme yang rendah pula hanya diberikan kepada mereka untuk mengendalikan kelas murid yang berada dalam kognitif yang tinggi agar pencapaian sekolah secara puratanya boleh berada pada tahap yang tinggi (Jasmi, 2010).

Bahkan dalam kumpulan pelajar yang sangat lemah pada satu tahap, mereka perlu kepada kelas pemulihan yang diberikan perhatian secara khusus dengan pembagian kelompok kecil kepada guru yang berpengalaman lama dalam pendidikan Islam di sekolah. Kelas pemulihan ini dijalankan tidak mengikut silibus sedia ada bagi menfokuskan penguasaan pembacaan al-Quran dan fardu ain untuk melepaskan diri mereka untuk hidup berjaya dalam konteks setidak-tidaknya untuk mencapai kejayaan yang kedua (Idris, 2008).

Hal ini kerana dalam Islam, tidak ada istilah sia-sia dalam penciptaan makhluk khususnya manusia. Seburuk-buruk para pelajar inipun seperti yang disangka oleh sesetengah guru Pendidikan Islam, mereka digolongkan dalam golongan sebaik-baik ciptaan yang diciptakan oleh al-Rahman sebagaimana yang terjelas dalam Surah al-Tin (95:4). Apa

yang lebih penting, seorang guru yang profesional, memahami apa keperluan sebenar seorang pelajar dalam hidup dan apa yang dia boleh sumbangkan kepada para pelajar ini dalam mencapai kejayaan yang sekurang-kurangnya pada alam akhirat.

BUDAYA KECEKAPAN BERTAHAP TINGGI

Guru yang berbudaya dengan budaya profesionalisme cemerlang mempunyai tahap kecekapan yang tinggi pada bahagian yang mereka minati. Sememangnya, Allah SWT jadikan setiap hamba itu mempunyai kekuatan yang berbeza dan minat yang ketara. Kekuatan berbeza yang dimiliki ini yang sebenarnya perlu digilap sehingga menjadi satu tahap yang profesional yang mempunyai kelas tersendiri. Terdapat beberapa fokus penting dalam memiliki kecekapan standard tinggi yang perlu dibudayakan agar seseorang guru itu tetap teguh berada dalam dunia pendidikan dengan jayanya. Kecekapan tersebut ialah kecekapan pengurusan, komunikasi, dan seni.

Pengurusan

Sebagai guru Pendidikan Islam, fokus dalam pengurusan ialah pengurusan fail diri yang bersistematik. Pengurusan fail boleh dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu fail persediaan mengajar, fail umum, serta untuk fail surat lantikan dan sijil-sijil (Jasmi, Kamarul Azmi, 2008c).

Fail persediaan mengajar dulu dikenali sebagai buku persediaan mengajar, namun persediaan ini boleh ditukar kepada Fail Persediaan Mengajar yang ditaip dan disusun dengan komputer dengan susunan yang rapi mengikut format buku persediaan. Kesukaran dalam susunan fail persediaan mengajar hanya untuk tahun pertama. Manakala tahun yang berikutnya pula guru Pendidikan Islam hanya mengubahsuai tarikh, kelas, dan isi. Isi yang diubahsuai adalah mengikut kesesuaian hari kebesaran Islam dan tahap kognitif pelajar yang diajar dari setahun ke setahun. Sekiranya fail persediaan mengajar ini disediakan dengan baik, maka fail ini boleh digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran untuk menyusun power point sekiranya kemudahan LCD dan komputer ada disediakan. Sekiranya tidak, bahan dalam fail persediaan mengajar ini boleh dijadikan nota kepada pelajar.

Fail kedua pula ialah fail umum untuk mengumpulkan apa sahaja surat-menyurat, helaian pekeliling, atau bahan hebahan yang diedarkan

oleh sekolah kepada staf. Fail ini disusun mengikut tarikh kemasukan, iaitu yang terdahulu berada di bawah dan yang terkini berada di atas. Guru akan melubangkan bahan sebelum dimasukkan dalam ring fail. Tujuan fail ini adalah untuk tujuan guna semula setiap maklumat sekolah yang telah lalu.

Akhir sekali ialah fail surat lantikan dan sijil. Fail ini disusun mengikut urutan tarikh terdahulu berada di atas dan yang terkini berada di belakang. Biasanya fail ini terdapat helaian plastik yang boleh dimasukkan agar tidak mencatitkan sijil dan surat lantikan yang diterima. Fail ini boleh digunakan untuk beberapa tahun sehingga penuh. Setelah penuh, barulah ditambah dengan fail kedua, ketiga, dan seterusnya. Fail ini sangat penting untuk tujuan mendapatkan promosi dan pelbagai kegunaan di kemudian hari (Jasmi, Kamarul Azmi, 2008c, 2008b).

Komunikasi Awam

Ramai guru Pendidikan Islam yang mampu untuk memberikan ceramah atau dalam pengucapan awam. Oleh itu, kemahiran ini perlu digilap dan dibudayakan dalam kehidupan seharian sama ada ketika di sekolah atau ketika berada di tempat kediaman. Mulakan dengan pengucapan awam yang kecil sebelum pengucapan awam yang lebih besar agar kecekapan dalam berbicara dalam bahasa ceramah dapat dipertingkatkan dari sehari ke sehari. Pilihan lain bagi guru Pendidikan Islam selain berceramah dan dia memiliki intonasi yang baik dan bersuara besar ialah menjadi pengacara majlis dan memahami protokol majlis. Kemahiran ini boleh digilap secara beransur-ansur untuk memiliki senarai penggunaan kata-kata penting ketika mengacara majlis sehingga kejanggalan dalam berbicara ketika mengacara majlis mencapai tahap sifar. Kedua-dua jenis komunikasi awam ini amat memberikan impak besar kepada kehadiran seseorang guru Pendidikan Islam di sekolah dalam kalangan pentadbir dan guru.

Sekiranya, ada guru yang tidak mampu untuk berceramah dan mengacara majlis, mereka boleh memfokuskan kerja belakang tabir sebagai orang yang mengurus majlis pengucapan awam. Terdapat guru cemerlang yang tidak berapa bagus dalam pengucapan awam, tetapi amat cekap dalam menguruskan kawan-kawannya yang memiliki kekuatan yang baik dalam pengucapan awam. Kecekapan dalam mengurus ini

terbukti mampu menutup kelemahan yang dimiliki. Selain itu, kemampuan seseorang guru dalam menggembirakan tetamu kehormat dan orang penting yang datang untuk sesuatu majlis di sekolah merupakan juga ciri penting dalam komunikasi awam. Oleh itu, dalam bahagian komunikasi awam ini, guru boleh memilih untuk berada pada bahagian mana mengikut kekuatan yang dimiliki oleh diri. Dengan ini, kelemahan diri yang dimiliki dalam bahagian tertentu dalam kecekapan komunikasi awam ini akan dapat ditutup dengan satu bahagian daripada komunikasi awam ini (Jasmi, 2010) apa yang lebih penting, seorang guru pendidikan Islam perlu membudayakan diri untuk menyumbang dalam program penting dalam sekolah sehingga pihak pentadbir dan rakan sekerja merasa diri guru Pendidikan Islam adalah penting untuk sekolah.

Seni

Sesetengah orang menganggap seni adalah sesuatu yang tidak penting dalam hidup. Hakikatnya, seni adalah penting untuk mengisi masa lapang ketika seseorang sudah berada pada tahap *burn out* atau ketika letih dan stress. Seni ini menjadi pengubat yang mampan untuk mewujudkan keseimbangan kesihatan tubuh khususnya ketika seseorang melalui saat yang stress (Mohd Yasin, 2008: 334; Moktar, 2011).

Seni yang tidak mencapai standard yang baik sahaja yang kurang nilai pada pandangan manusia. Sekiranya seni ini mempunyai standard yang tinggi dalam diri seseorang, maka harga diri seseorang itu menjadi tinggi pada pandangan umum. Seni bagi guru Pendidikan Islam juga amat bergantung pada minat seseorang guru pendidikan Islam. Seni yang diminati ini pula perlu digilap sehingga ke tahap yang cekap dan mampu menghasilkan sesuatu yang memberi kepuasan diri dan mengagumkan pencinta seni. Ada bermacam-macam seni yang boleh dipilih untuk digilap oleh seseorang guru pendidikan Islam, iaitu seni menulis, seni bahasa, seni merawat, seni suara, dan seni hobi.

Seni Menulis

Guru yang minat menulis dan mempunyai bakat dalam menulis boleh menjadikan seni menulis sebagai satu budaya hidup dan sebagai satu cara untuk mengisi masa lapang. Banyak pilihan untuk menulis berdasarkan minat dan bakat yang diperoleh. Seseorang dianggap mempunyai bakat dan minat yang mendalam dalam menulis apabila dia mampu tenggelam

dalam dunia penulisan tersebut tanpa rasa susah. Asas kepada kemampuan menulis dengan baik ialah mampu mengendalikan papan kekunci dengan baik (Jasmi & Md. Saleh @ Masrom, 2015; Idris, 2008), sedikit pengetahuan tentang komputer, dan cara menulis yang betul (Jasmi, 2015). Setelah menulis, rasa kegembiraan itu datang kerana puas melihat hasil tulisan telah sempurna. Walau bagaimanapun, tulisan yang ditulis mestilah sehingga tahap yang boleh diterbitkan oleh mana-mana penerbit. Oleh itu, untuk memiliki kemahiran ini, kursus yang asas penulisan perlu dihadiri. Sekiranya seorang guru Pendidikan Islam berjaya menerbitkan hasil tulisan, pada tahap ini tahap tulisan mencapai standard yang baik.

Ada bermacam-macam jenis tulisan yang boleh ditulis. Tulisan yang utama bagi guru Pendidikan Islam ialah tulisan yang bersifat buku rujukan dan buku aktiviti. Kejayaan dalam menulis buku ini boleh memberikan keuntungan dalam bentuk empat serangkai, iaitu bahan tulisan boleh diguna untuk menyediakan tiga peringkat modul untuk tiga jenis tahap kognitif pelajar, sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran, kemungkinan menjadi produk bagi mendapat keuntungan daripada penjualan buku di peringkat nasional, dan akhir sekali, dan bahan bukti untuk tujuan kenaikan pangkat (Jasmi, Kamarul Azmi, 2008c).

Tulisan lain yang wajar ditulis ialah penulisan berbentuk popular seperti cerpen atau pojok di majalah dan akhbar atau menulis buku novel. Pelajari cara menulis penulisan popular, karang, dan hantar. Guru Pendidikan Islam yang berjaya menerbitkan tulisan popular ini tentu akan merasa kepuasan diri kerana tulisan mereka diterbitkan sekalipun bayarannya tidaklah lumayan seperti menulis buku (Rosidi, 2009). Namun, penulisan novel Islam yang berbentuk mendidik masyarakat melalui penulisan, jika mencapai tahap standard yang baik sudah tentu mampu membuatkan seseorang guru Pendidikan Islam tersenyum ketika mendapat royalti sekalipun untuk tujuan kenaikan pangkat tidak digunakan.

Ada juga guru yang berminat untuk menulis tulisan akademik atau separa akademik dalam bentuk buku ilmiah, jurnal, bab dalam buku, atau kertas kerja seminar (Jasmi, Kamarul Azmi, 2008a). Tulisan seperti ini hanya memerlukan pengetahuan untuk menulis dengan cara yang betul cara tulisan akademik atau separuh akademik (Jasmi, 2015; Jasmi, Kamarul Azmi, 2014; Jasmi *et al.*, 2012). Sama seperti menulis buku teks, penulisan ilmiah ini tidak mengutamakan bayaran royalti, tetapi tulisan seperti ini sedikit demi sedikit akan menjadi penting untuk tujuan kenaikan pangkat guru pada masa akan datang (Mohamad, 2008).

Seni Bahasa

Kajian menunjukkan bahawa penguasaan pelbagai bahasa oleh seseorang individu mampu meningkatkan lagi keyakinan diri dan menambahkan lagi tahap penguasaan sesuatu bidang bagi mengakses maklumat yang bermakna (Koo & Azman, 2010). Seorang guru wajar membudayakan diri untuk menguasai bahasa kedua untuk memberikan kelebihan penggunaannya ketika pengucapan awam dan ketika komunikasi.

Penguasaan bahasa yang signifikan penting bagi guru Pendidikan Islam dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Inggeris untuk tujuan perhubungan antara pihak atasan dan rakan sekerja (Idris, 2008), bahasa Arab untuk memahami dan mengakses maklumat Pendidikan Islam dari sumber asal Islam, dan bahasa Urdu untuk tujuan memperindah lagi bahasa ceramah yang digunakan (Abd Rahman, 2008). Berdasarkan kajian menunjukkan bahasa apa sahaja bahasa tambahan yang dikuasai oleh seseorang guru, akan memberikan kelebihan keyakinan yang lebih tinggi terutamanya dalam kelompok yang menguasai bahasa tersebut (Jasmi, 2010). Justeru, penguasaan seseorang guru Pendidikan Islam terhadap bahasa kedua perlu dibudayakan agar mampu mempertingkatkan mutu modal insan diri di mata rakandan pihak atasan sekolah.

Seni Suara

Seni suara sememangnya satu bakat dan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada sebahagian daripada individu (Ibrahim, 2008). Guru Pendidikan Islam yang memiliki suara yang merdu dan baik boleh memanfaatkannya dengan baik untuk meningkatkan profesionalisme mereka di sekolah (Jasmi, 2010). Guru Pendidikan Islam yang termasuk dalam kumpulan seperti ini perlu memahami bahawa suara yang baik dan merdu boleh dimanfaatkan untuk pembacaan al-Quran, bernasyid, dan berqasidah serta lain-lain aktiviti yang melibatkan suara. Sebagai contoh, pembacaan al-Quran bertaranum oleh guru boleh meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, bahkan boleh digunakan pembacaan ini sebagai pembuka majlis yang besar di peringkat sekolah, daerah, negeri, dan nasional. Hal ini demikian kerana, kebanyakan majlis utama di Malaysia akan menggunakan qari untuk mengalunkan bacaan pembukaan bagi menyerikan lagi majlis. Guru yang mempunyai seni suara yang baik boleh meningkatkan keberadaan mereka dalam kalangan khalayak.

Namun, setakat mempunyai suara yang merdu dan baik sahaja tidak mencukupi jika tidak dipelajari perkara asas penggunaan suara tersebut untuk tujuan tertentu. Sebagai contoh untuk mengalunkan bacaan taranum. Seseorang guru perlu mengetahui bacaan asas taranum tersebut untuk dikuasai. Begitu juga, untuk bernasyid, seseorang guru perlu pandai meningkatkan mutu vokal suara agar lebih sedap didengar. Apa yang lebih penting, standard keupayaan tersebut perlu ditingkatkan untuk digunakan kepada satu peringkat yang boleh memberikan kepuasan kepada diri dan para pendengar.

Seni Hobi

Guru yang berbudaya cemerlang akan bekerja tanpa mengambil kira masa dan tempat selagi diperlukan oleh warga pendidikan, mereka akan menerima jemputan untuk memberikan idea dan buah fikiran. Namun sebagai manusia, terdapat cara yang seimbang untuk mengurangkan tekanan kerja yang melimpah ruah tersebut dengan aktiviti yang menenangkan fikiran dan menggembirakan. Aktiviti tersebut dilakukan melalui seni hobi seperti membela ikan dan menanam pokok bunga (Mohd Yasin, 2008). Guru wanita pula boleh memilih hobi memasak (Mohamad, 2008; Ismail, 2008; Idris, 2008), seni fesyen dan menjadi pereka dalaman (Ismail, 2008) untuk mengisi masa lapang. Hobi seperti ini, bukan sahaja boleh mengisi masa lapang, bahkan boleh dimanfaatkan untuk membantu sekolah dalam program yang memerlukan kepakaran memasak. Hobi fesyen pula memudahkan guru wanita untuk bergaya secara sederhana lagi sesuai ketika di sekolah. Manakala seni pereka dalaman pula boleh membantu kelas dan sekolah untuk hiasan dalaman dan untuk hiasan dalam program sekolah yang besar. Seseorang hobi pula seperti bersukan (Abd Rahman, 2008) mampu menyihatkan tubuh badan seseorang guru supaya boleh istiqamah berada dalam budaya cemerlang.

Hobi yang dilakukan ini perlu mencapai tahap standard yang baik dengan guru Pendidikan Islam mempelajari hobi yang mereka minat sehingga mencapai tahap kefahaman dan pengaplikasian yang bertahap tinggi. Pada takat ini, hobi mampu dimanfaatkan untuk meningkatkan profesionalisme seseorang guru di sekolah.

Seni Merawat

Seni merawat khususnya yang berkaitan dengan nasihat emosi dan hidup (Ahmad, 2008; Ibrahim, 2008; Mohamad, 2008; Ismail, 2008; Idris,

2008; Abu Bakar, 2008; Abd Rahman, 2008), sakit luaran seperti kecemasan akibat luka, lemas, dan melecun (Mohd Yasin, 2008); atau sakit dalaman seperti kerasukan syaitan dan jin ke dalam tubuh (Mohd Yasin, 2008; Idris, 2008; Shaikh Ahmad, 2008) merupakan sakit yang biasa berlaku di sekolah. Guru Pendidikan Islam boleh menyumbang untuk menjadi orang yang berkebolehan tinggi dalam kedua-dua aspek rawatan dengan mempelajari salah satu daripada kepakaran rawatan tersebut. Ilmu rawatan seperti ini sangat membantu kepada keperluan sekolah pada masa ini.

BUDAYA SOSIAL YANG VERSATILE

Budaya sosial yang versatile bermaksud orang yang serba boleh untuk masuk ke mana-mana kumpulan di sekolah dengan pendekatan yang diterima dengan baik (Anom, 2005). Pandangan pertama orang lain terhadap diri guru Pendidikan Islam bermula daripada cara penampilan diri. Setidak-tidaknya, guru pendidikan Islam mengikut peraturan berpakaian sekolah yang telah diwartakan secara kemas dan sempurna, serta sesuai lagi sederhana. Bagi guru Pendidikan Islam wanita pula dengan tambahan bergaya dan menutup aurat dengan sempurna juga merupakan ciri yang wajar dalam konteks ketika berada di dalam kelas dan sekolah (Jasmi, 2010) sekalipun sikap suka bergaya ini adalah tidak sesuai dalam konteks di luar sekolah (Mohd Taha, 2010; Basiron *et al.*, 2005).

Sifat ramah, mesra, akrab, dan menjaga hati merupakan sifat terpenting ketika bersosial untuk seseorang guru boleh masuk ke mana-mana kumpulan guru dan pelajar dalam sekolah. Sifat ini mengurangkan gap antara kumpulan guru yang tidak satu aliran dalam bidang pendidikan Islam serta menjadikan para pelajar merasa senang untuk mendekati.

Selain ramah dan mesra, guru pendidikan Islam yang rajin, bersungguh-sungguh, dan komited juga merupakan ciri guru yang sangat dilihat oleh rakan guru dan pelajar untuk didekati dan dihormati oleh mereka. Perlu diingati bahawa seseorang guru pendidikan Islam di sekolah sudah dikira gagal apabila dia telah dicap sebagai 'malas' oleh sesiapa sahaja daripada rakan guru atau pihak atasan, dan pelajar. Pada tahap ini, cadangan untuk mencari kerjaya lain boleh difikirkan demi memberikan imej yang baik pandangan umum kepada profesionalisme guru Pendidikan Islam.

Suka memberi nasihat, tunjuk ajar, didikan, memberi kesedaran, dan menunjukkan teladan yang baik yang bersumberkan keilmuan yang mampan lagi bersifat profesional dalam menyelesaikan masalah

hukum hakam agama yang berlaku dalam kalangan staf dan pelajar merupakan ciri sosial yang juga penting kepada guru Pendidikan Islam. Perkara ini tidak akan wujud sekiranya guru Pendidikan Islam tidak memiliki ilmu yang mantap dan mempunyai keinginan yang tinggi untuk berdakwah terhadap ilmu yang dimiliki dengan cara yang paling diterima oleh semua guru dan pelajar (Jasmi, 2010).

Kalangan guru suka kepada guru Pendidikan Islam yang tawaduk, iaitu menyatakan atau menyembunyikan amalan atau tindakan mengikut keperluan dan keadaan. Pernyataan atau penyembunyian amalan dan tindakan itu mesti berlandaskan antara hubungan dengan Allah SWT dengan penekanan keikhlasan dan hubungan dengan sesama manusia dari segi hanya menunjukkan yang perlu sahaja (Jasmi, 2002). Manakala dalam rangka hubungan dengan pelajar sahaja, sifat seperti ibu bapa, disiplin, amanah, adil, dan ikhlas ketika mendidik para pelajar merupakan tuntutan yang wajib dilakukan ketika bersosial kepada mereka. Sifat seperti ibu bapa merupakan titik utama kejayaan anak untuk berjaya sebagaimana yang telah dibincangkan dalam fokus pengajaran yang berinovasi. Sedangkan sifat amanah dan disiplin, adil, dan ikhlas menjadi titik tolak kepada rasa penghormatan yang tinggi para pelajar kepada guru Pendidikan Islam (Jasmi, 2010). Oleh itu, sifat ini semua sifat ini merupakan sifat yang penting untuk dibudayakan dalam kehidupan di sekolah.

BUDAYA KEILMUAN BERTARAF MAMPAN

Budaya keilmuan yang bertaraf mampan amat berkait dengan budaya kecekapan bertahap tinggi dan budaya sosial. Budaya kecekapan bertahap tinggi ketika bersosial pula dari segi mampu mengutarakan ilmu diri kepada orang lain ketika menyampaikan ilmu. Sedangkan budaya sosial pula dari segi mampu menyelesaikan masalah agama dan hidup dalam kalangan guru dan pelajar. Kedua-dua ciri ini merupakan satu daripada empat ciri budaya ilmu seorang guru Pendidikan Islam.

Budaya ilmu dalam Islam pada hakikatnya bertitik tolak empat ciri asas budaya ilmu, iaitu penimbaan pengetahuan yang berterusan dari kecil hingga ke saat kematian, mengamalkan ilmu yang dipelajari tersebut, tidak lokek atau menyembunyikan ilmu pengetahuan kepada orang ramai, dan menyebarkan ilmu pengetahuan dari diri kepada orang lain.

Budaya menimba ilmu seorang guru pendidikan yang profesional tidak akan berhenti sehinggalah ke akhir hayat. Tahap ilmu yang dipelajari pula dalam bentuk yang sangat mendalam dan betul lagi menyeluruh. Begitu juga guru ini mempunyai keinginan yang tinggi untuk menimba ilmu pengetahuan sama ada yang berbentuk agama atau keperluan kehidupan harian seperti ICT. Hakikatnya tidak boleh wujud perkataan buta ICT untuk guru yang bersifat dan berbudaya profesional. Mereka akan sentiasa menyelaras pengetahuan mereka dalam ICT untuk melicinkan lagi kerja-kerja dalam sekolah dengan teknologi terkini. Bahkan dalam sesetengah keadaan, guru Pendidikan Islam ini menjadi juara atau ketua dalam ICT di sekolah (Jasmi, Kamaru Azmi, 2008).

Sedangkan budaya mengamalkan ilmu yang dipelajari menjadi kekuatan dalam seseorang guru pendidikan Islam khususnya ketika menghadapi tekanan kerja yang banyak (Moktar, 2011). Kekuatan amalan seseorang mampu menjadi penghubung seorang guru kepada para pelajarnya ketika dalam pengajaran sehingga pengajaran menjadi mudah bagi mereka. Begitu juga kekuatan amalan menjadi daya tarikan dan penghormatan pihak atasan dan rakan sekerja kepada diri yang mengamalkan secara sempurna ilmu yang dipelajari. Akhir sekali, kekuatan amalan mampu memberi kesan yang lebih mendalam ketika seseorang guru pendidikan Islam mendidik, membimbing, menasihati, dan memberikan kesedaran kepada rakan guru dan pelajar. Tanpa amalan yang sempurna ini, seorang guru sebenarnya telah gagal sejak daripada titik permulaan mereka dalam bidang Pendidikan Islam (Zaid & Jasmi, 2012; Zakaria & Jasmi, 2011; Jasmi *et al.*, 2007; Jasmi *et al.*, 2004; Jasmi, 2002).

Akhir sekali budaya untuk berdakwah dan menyampaikan ilmu sewajarnya menjadi budaya utama seorang guru pendidikan Islam bukan sahaja ketika berada di sekolah bahkan di tempat kediaman mereka. Apa sahaja ilmu pada hakikatnya boleh dikongsi kepada orang ramai sekalipun sekecil-kecil ilmu. Apa yang lebih penting ilmu yang hendak disampaikan itu mestilah mempunyai standard yang diperlukan oleh mereka dalam hidup dan orang ramai merasakan ilmu itu bermakna untuk kehidupan mereka di dunia dan akhirat (Mohd Yasin, 2008; Abd Rahman, 2008).

PENUTUP

Empat budaya penting seorang guru pendidikan Islam di sekolah telah dibincangkan dengan tuntas dalam tulisan ini. Budaya tersebut ialah

budaya pengajaran yang cemerlang, budaya kecekapan bertahap tinggi, budaya sosial yang versatile, dan budaya keilmuan yang bertaraf mampan. Ringkasnya budaya pengajaran yang cemerlang terdiri daripada tiga fokus utama, iaitu harapan yang tinggi kepada pelajar untuk berjaya, cara pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza mengikut kognitif para pelajar, dan mengadakan kelas pemulihan khusus pelajar yang ketinggalan.

Manakala budaya kecekapan pula terdiri daripada kecekapan pengurusan, komunikasi, dan seni. Fokus kepada budaya pengurusan yang cekap dari segi mampu menyediakan fail persediaan mengajar, fail umum, serta fail surat lantikan dan sijil-sijil dengan sempurna. Sedangkan fokus kepada kecekapan komunikasi, iaitu pilihan kepada komunikasi berceramah, mengacara majlis, atau kerja belakang tabir sebagai orang yang mengurus majlis pengucapan awam. Akhir sekali ialah kecekapan seni yang terdiri daripada seni menulis, seni bahasa, seni merawat, seni suara, dan seni hobi. Semua jenis kecekapan ini sangat signifikan untuk dibudayakan oleh seorang guru ketika berada di sekolah sepanjang kehidupan mereka sebagai guru Pendidikan Islam.

Budaya sosial yang versatile dianggap penting dalam rangka hubungan seorang guru Pendidikan Islam terhadap pihak atasan, rakan guru, dan pelajar. Budaya ini bermula dengan penampilan yang betul dan seterusnya memiliki beberapa sifat utama ketika bersosial dengan rakan sekerja dan para pelajar.

Akhir sekali budaya ilmu dengan fokus perbincangan kepada kepentingan guru dalam berterusan dalam menimba pengetahuan, mengamalkan ilmu pengetahuan tersebut, dan menyampaikan ilmu dengan cara yang paling diminati dan diperlukan oleh orang ramai.

RUJUKAN

- Abd Rahman, Ahmad. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S5. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-18). Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Arau: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, Abdul Ghani, & Ngang, Tang Keow. (2006). Motivasi Guru dan Pengurusan Budaya Kolaboratif Pengurus Pendidikan Wanita. *Jurnal Pendidikan Islam*, 31, 97-105.
- Abu Bakar, Zaleha. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S4. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-16).

- Sek. Men. Keb. Agama Perempuan Kangan, Perlis: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, Noor Hayati. (2008). Temubual Bersama Rakan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Pertama di S1. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-8). Sek. Men. Keb. Jitra, Kedah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). *Sha'b al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Ghazali, Muhammad. (t.th.). *Ihya' 'Ulum al-Din* (al-Hafiz al-'Iraqi Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1984). *Musnad al-Shamayyin* (Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi Ed. Vol. 1-4). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Anom. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anom. (2015). Isu-isu pelaksanaan PBS. Retrieved 22 Mac 2015, 2015, from <http://www.moe.gov.my/v/pemberitahuan-view?id=4122>
- Basiron, Bushrah, Mustari, Mohd Ismai, Jasmi, Kamarui Azmi, & Shikh Sudin, Sharifah Norlaili. (2005). *Konsep Tabarruj Menurut Perspektif Islam dan Kepentingannya dalam Kehidupan Wanita*. Paper presented at the International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor. http://eprints.utm.my/41147/1/BasironB2005_KonsepTabarrujMenurutPerspektifIslam.pdf
- Ibrahim, Atmarwati. (2008). Temubual Bersama Rakan Guru Cemerlang Pendidikan Islam 2 di S1. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-14). Sek. Men. Keb. Jitra, Kedah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris, Ramlah (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S2. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-18). SMK Pulau Niyor, Jitra, Kedah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ilias, Mohd Faez. (2014). *Teaching Practice Using Teaching Aids among Lower Secondary Teachers of Islamic Education in Johor*. (Doctor of Philosophy), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Ilias, Mohd Faez, Ismail, Muhamad Faiz, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 6th - 7th April 2013). *Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Is-*

- lam di Sekolah Bestari*. Paper presented at the 3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013], EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia.
- Ishak, Abdullah. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, Ramlah. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S8. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-20). SMK Chendering: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamaru Azmi. (2008). *Dokumen Analisis Guru Cemerlang Pendidikan Islam S1*.
- Jasmi, Kamaru Azmi. (2014). *Memperkasakan Kepustakaan dalam Pendidikan Islam dan Pengajian Islam di Malaysia Melalui Perantaraan Penggunaan Perisian Endnote*. Paper presented at the Bengkel Endnote dalam Penulisan Akademik, Dewan Pengajian Siswazah, T07, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamaru Azmi, & Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2015). *Sayang! Didiklah Kami dengan Sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, Kamaru Azmi, Nor Muhamad, Nasrul Hisyam, & Awang, Ramli. (2012). *Buku Panduan Tesis Gaya Fakulti Tamadun Islam*. Skudai, Johor: Fakulti of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008a). *Analisis Dokumen Guru Cemerlang Pendidikan Islam S7*. SMK Tengku Mizan Zainal Abidin: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008b). *Dokumen Analisis Guru Cemerlang Pendidikan Islam S8*. In Universiti Kebangsaan Malaysia Fakulti Pendidikan (Ed.). *Sekolah Menengah Kebangsaan Chenderin*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008c). *Dokumen Analisis Guru Cemerlang Pendidikan Islam S2*. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.). *SMK Pulau Niyor, Jitra, Kedah*: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008d). *Mengasimilasi Budaya Islam dalam Organisasi untuk Mempertingkatkan Modal Insan Para Pekerja*.

- Paper presented at the The 4th National Human Resource Management Conference 2008, Tiara Beach Resort, Port Dickson.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. Paper presented at the Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia, Main Hall of Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2014). *Kaedah Penulisan Kertas Kerja*. Skudai, Johor: Faculty of Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2015). Mahasiswa dan Penulisan Kertas Kerja Akademik. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Pengurusan Efektif untuk Berjaya* (Vol. 2). Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, & Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2004, 25-27 September 2004). *Pengaruh Pemikiran al-Nawawi dalam Metodologi Pendidikan dan Pendakwaan Terhadap Guru-guru Takmir di Negeri Johor*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid, Asiana Resort, Langkawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Nawawi, Noor Fadhlina. (2012, 8-9 March 2012). *Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012], Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Salleh, Norhafizah. (2013, 6 - 7 April 2013). *Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Paper presented at the 3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013]), EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007a, 22-23 Ogos 2007). *Guru Cemerlang dalam Sekolah Berkesan*. Paper presented at the

- Seminar Pendidikan Kebangsaan Halatuju dan Masa Depan Pendidikan Negara, Auditorium Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007b). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007c, 11 - 12 July 2007). *Pengayaan Buku Hadis Turath serta Kepentingannya dalam Pembangunan dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*. Paper presented at the Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2007), Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Hamzah, Mohd Izham Mohd. (2011). Penerapan Matlamat Pendidikan Islam oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di beberapa buah Sekolah Menengah di Malaysia. *Sains Humanika*, 55(1).
- Koo, Yew Lie, & Azman, Hazita. (2010). Tahap Literasi dalam Bahasa Inggeris di Kalangan Belia di Institut Belia Kebangsaan. *GE-MA Online™ Journal of Language Studies*, 10(1), 35-51.
- Mohamad, Saudah. (2008). Analisis Dokumen Guru Cemerlang Pendidikan Islam S7. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *PhD Research*. SMK Tengku Mizan Zainal Abidin: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Taha, Rosniza. (2010, 2010/07/29). Etika Berpakaian. *Berita Harian*.
- Mohd Yasin, Rifain. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S1. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *PhD Research* (pp. 1-24). Sek. Men. Keb. Jitra, Kedah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moktar, Zainah. (2011). *Awet Muda 7 Rahsia Kesihatan Holistik*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Nawawi, Noor Fadhlina, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 26 Jun 2013). *Hubungan antara Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Keperibadian serta Kemahiran Guru Pendidikan Islam dengan Motivasi Pelajar*. Paper presented at the Seminar Pasca Siswazah Pertama. Fakulti Tamadun Islam, The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosidi, Imron. (2009). *Menulis Siapa Takut*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.

- Sabar, Salehudin, & Mustari, Mohd Ismail. (2012). Pendidikan Islam Mendepani Cabaran Abad Ke 21: Aplikasi Pendidikan Bil-Hikmah. Retrieved 18 Jan 2015, 2015, from <http://www.ipislam.edu.my/index.php/research/read/83/Pendidikan-Islam-Mendepani-Cabaran-Abad-Ke-21-Aplikasi-Pendidikan-Bil-Hikmah1>
- Shaikh Ahmad, Badriyah. (2008). Temubual Bersama Guru Cemerlang Pendidikan Islam di S6. In Kamaru Azmi Jasmi (Ed.), *Phd Research* (pp. 1-16). SMK Tuanku Ampuan Durah: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shuib, Mohamad Shyhmy. (2006). *Pengurusan Waktu*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Sulaiman, Zaharuzzaman, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 26 Jun 2013). *Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar: Satu Kajian Tinjauan di Pusat Pendidikan Andalus Peringkat Menengah di Singapura*. Paper presented at the Seminar Pasca Siswazah Pertama. Fakulti Tamadun Islam, Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tamam, Muhammad. (1992). *Al-Fawa'id* (Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi Ed.). Al-Riyad: Maktabat al-Rushd.
- Tamuri, Ab Halim, Ismail, Muhamad Faiz, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012a). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam [Basic Components for Islamic Education Teacher Training]. *Global Journal al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Tamuri, Ab Halim, Ismail, Muhamad Faiz, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012b). A New Approach in Islamic Education: Mosque Based Teaching and Learning. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 1-12.
- Tamuri, Ab. Halim. (2006). *Model Guru Pendidikan Islam: Konsep 5 Mim*. Paper presented at the Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam, Bilik Senat, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tamuri, Ab. Halim, Yusopp, Adnan, Osman, Kamisah, Abdul Razak, Khadijah, Awaludin, Shahrin, & Abdul Rahim, Zamri. (2004). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaid, Siti Salwa, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Pendidikan Sosial Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks terhadap Kitab*

- Riyad al-Salihin*. (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from <http://merr.utm.my/7266/>
- Zakaria, Farhatul Hakimah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Pendidikan Akhlak Terhadap Allah Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks Kitab Riyadh al-Salihin*. (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdfail/ptkghdfwp2/p_2011_10040_8b59de80798b409c931b085d23c55c07.pdf